



KENYATAAN RASMI

KONVOKESYEN POLITEKNIK KUCHING SARAWAK KE-29 TAHUN 2021

Jawatankuasa Induk Konvokesyen Politeknik Kuching Sarawak (PKS) telah membuat ketetapan dan memutuskan bahawa Majis Konvokesyen PKS ke-29 **tidak akan dilaksanakan secara bersemuka** pada tahun 2021. Keputusan ini telah dibuat setelah mengambil kira situasi penularan wabak COVID-19 terkini yang membimbangkan. Graduan dinasihatkan untuk melayari laman web rasmi PKS e-Konvo di pautan <http://www.poliku.edu.my/e-konvesyen/> bermula pada **01 September 2021 sehingga 31 Oktober 2021** bagi mendapatkan maklumat berkaitan kaedah memperolehi sijil diploma masing-masing. Jawatankuasa juga telah membuat pertimbangan untuk mengadakan satu konvokesyen maya pertama (secara tayangan rakaman) dan tarikh akan dimaklumkan kelak. Para graduan juga adalah diingatkan untuk mengisi borang pengesanan graduan yang akan dibuka bermula pada **01 September 2021**. Politeknik Kuching Sarawak mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada para graduan yang telah berjaya bergraduat.

**Pengerusi
JK Induk Konvokesyen
Politeknik Kuching Sarawak
30 Ogos 2021**